Nik Aziz hantar surat rasmi kepada Dr. Mahathir

UM 1 OCT 2002

KOTA BHARU 30 Sept. — Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat telah menghantar surat rasmi kepada Perdana Menteri hari ini "bagi menjernihkan keadaan" berhubung kenyataannya yang mengatakan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad tidak tahu membaca al-Quran.

Menurut Setiausaha Politiknya, Anual Bakri Harun, Nik Abdul Aziz "menyambut baik penerimaan maaf" oleh Perdana Menteri selepas beliau mengakui kesilapannya ketika berceramah.

Katanya, Nik Abdul Aziz juga berpendapat sudah cukup baginya untuk membuat sebarang kenyataan media berhubung isu tersilap cakap dan memohon maaf itu.

"Dengan penghantaran surat secara peribadi ini maka Menteri Besar (Nik Abdul Aziz) berharap isu tersebut telah pun selesai," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Anual Bakri berkata, berikutan penghantaran surat itu juga yang disifatkan "bagi mengheningkan suasana", maka pihak media bolehlah menganggap permohonan maaf oleh Nik Abdul Aziz kepada Perdana Menteri dalam ceramah tidak berbangkit.

Beliau bagaimanapun enggan membenarkan wartawan untuk melihat surat rasmi itu yang sudah ditaip dan sedia untuk dihantar kepada Perdana Menteri kerana menyifatkannya sebagai "melanggar amanah."

"Saya hanya boleh mengesahkan ia adalah surat dari Menteri Besar Kelantan kepada Perdana Menteri Malaysia," jelasnya.

Semalam, Perdana Menteri dilaporkan berkata bahawa beliau memaafkan Nik Abdul Aziz yang tersalah cakap dengan mengatakan beliau tidak tahu membaca al-Quran ketika berceramah di Sekolah Menengah Agama Beris Lalang Bachok, baru-baru ini.